

Kecenderungan Pengundi Pasca Pilihan Raya Umum ke-14 di N23 Manjoi dan N59 Behrang, Perak

Voter Choices Post 14th General Election in N23 Manjoi and N59 Behrang, Perak

Nurul Wahida Ismail¹ & Siti Noranizahhafizah Boyman^{2*}

¹SMK Seri Sentosa, Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur, Malaysia

²Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Email: noranizah@fsk.upsi.edu.my

Published: 12 November 2024

To cite this article (APA): Ismail, N. W., & Boyman, S. N. (2024). Voter Choices Post 14th General Election in N23 Manjoi and N59 Behrang, Perak. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 16(2), 48–59. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.2.5.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.2.5.2024>

Abstrak

Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 menunjukkan Pakatan Harapan (PH) pertama kali dalam sejarah pilihan raya telah membentuk pentadbiran di Perak. Perubahan keputusan PRU ini pastinya dipengaruhi oleh kecenderungan pengundi yang memberi undi kepada parti atau calon yang mampu memberi manfaat kepada masyarakat. Dari segi geografi pilihan raya, DUN Manjoi dan Behrang ini terdiri daripada kawasan bandar, separa bandar dan luar bandar yang masing-masing mempunyai 18 dan 20 pusat daerah mengundi. Kawasan ini terdiri daripada etnik Melayu, Cina, India dan lain-lain. Justeru, kajian ini menganalisis kecenderungan pengundi semasa PRU ke-14 di DUN Manjoi dan Behrang dengan menggunakan kerangka teori pilihan rasional bagi menilai faktor yang berkaitan dengan pilihan responden. Bagi mencapai objektif kajian, pendekatan kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik telah diedarkan secara bersemuka kepada seramai 450 orang pengundi di kawasan tersebut. Sumber sekunder juga digunakan bagi menyokong dapatan. Data kuantitatif telah dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS dalam bentuk jadual. Hasil kajian mendapati bahawa pilihan pengundi terhadap faktor parti, ekonomi dan calon adalah signifikan kepada perubahan keputusan pilihan raya di Manjoi dan Behrang. Pilihan calon dilihat dominan dalam mempengaruhi keputusan pengundi semasa PRU ke-14. Jelaslah bahawa responden di Manjoi dan Behrang ini telah memberi peluang dan memilih calon yang diyakini mampu meningkatkan pembangunan setempat ke tahap yang lebih baik berbanding pentadbiran sebelum PRU ke-14 tersebut.

Kata kunci: Pasca Pilihan Raya Umum, pilihan pengundi, parti, calon, Perak

Abstract

The 14th General Election (GE) showed Pakatan Harapan (PH) for the first time in the history of elections to form an administration in Perak. Changes in the results of this general election are certainly influenced by the tendency of voters to vote for parties or candidates who are able to benefit the community. In terms of electoral geography, the Manjoi and Behrang state assembly consists of urban, semi-urban and rural areas that have 18 and 20 voting district centers respectively. This area consists of ethnic Malays, Chinese, Indians and others. Thus, this study analyzes the tendencies of voters during the 14th GE in Manjoi and Behrang State Assembly by using the framework of rational choice theory to evaluate the factors related to respondents' choices. In order to achieve the objective of the study, a quantitative approach using questionnaire instruments was distributed face-to-face

to a total of 450 voters in the area. Secondary sources are also used to support the findings. Quantitative data was analyzed descriptively using SPSS software in tabular form. The results of the study found that the voter's choice of party, economic and candidate factors was significant to the change in the election results in Manjoi and Behrang. Candidate choice is seen as dominant in influencing voter decisions during the 14th GE. It is clear that the respondents in Manjoi and Behrang have given the opportunity and chosen candidates who are believed to be able to improve local development to a better level than the administration before the 14th GE.

Keywords: Post General Election, voter choice, party, candidate, Perak

PENGENALAN

Pilihan raya merupakan suatu proses penting yang melibatkan rakyat untuk memilih pemimpin tertinggi negara dan negeri. Rakyat sebagai pengundi berperanan memilih wakil rakyat yang layak dan mampu menyuarakan hak dan pendapat rakyat setempat kepada pemerintah negara. Keberkesanan proses pilihan raya dapat mempengaruhi kestabilan politik, perpaduan dan pengukuhan sistem demokrasi negara (Chamil, 2010). Sejak tahun 1957 sehingga kini, Malaysia telah mengadakan 15 kali Pilihan Raya Umum (PRU) yang melibatkan penyertaan pelbagai parti yang bertanding untuk mendapatkan kuasa pemerintahan. Barisan Nasional (BN) sebagai parti politik ulung di Malaysia telah mendominasi sebanyak 13 kali PRU sehingga PRU ke-13 pada tahun 2013. Namun pada tahun 2018, Pakatan Harapan (PH) sebuah parti gabungan baharu iaitu gabungan parti Parti Keadilan Rakyat (PKR), *Democratic Action Party* (DAP), Parti Amanah Negara dan Bersatu telah memenangi PRU ke-14 di peringkat persekutuan dan beberapa negeri seperti Perak, Kedah, Negeri Sembilan, Johor dan Melaka (Junaidi, 2019).

Walau bagaimanapun, kemerosotan kerusi BN dilihat telah berlaku semenjak PRU ke-12 pada tahun 2008 dengan saingan sengit daripada parti gabungan lain sebagai pembangkang pada tahun tersebut. Kedudukan BN semakin tergugat ketika PRU ke-14 apabila tewas kepada PH menyebabkan BN gagal membentuk kerajaan Persekutuan buat pertama kali dalam sejarah politik negara. Kejayaan PH memenangi 113 kerusi daripada 222 kerusi parlimen dan pertambahan bilangan kerusi PH di semua negeri kecuali Perlis dan Pahang telah mengukuhkan kerajaan baharu tersebut. Perak yang pernah menjadi kubu kuat BN sebelum PRU ke-12 telah menunjukkan pembentukan kerajaan Baharu PH hasil kerjasama parti PKR, DAP, Bersatu dan Amanah (Muhammad Moniruzzaman dan Kazi Fahmida, 2018). Kemenangan PH di Perak dengan penglibatan parti baharu menjelaskan terdapat sokongan pengundi kepada parti-parti tersebut. Hal ini menunjukkan PH telah memecahkan tembok kuasa BN di Perak kerana sebelum PRU ke-12 hanya didominasi sesuatu parti dalam jangka masa yang panjang tanpa saingan sengit daripada parti lain. Namun begitu, kecenderungan masyarakat dalam memilih telah bersifat longgar serta melepasi sempadan parti bersifat agama, etnik mahupun liberal (Mohd Azmir et al, 2016). Perubahan pola pengundian yang berlaku di Perak menjelaskan pengundi telah mempunyai pilihan-pilihan yang berupaya mempengaruhi keputusan pilihan raya yang dijalankan.

Tinjauan Literatur

Kajian literatur yang berkaitan dengan pengundian menunjukkan beberapa perbincangan merangkumi pola pengundian dan kecederungan pengundi membuat pilihan. Norhayati (2008) mengkaji pola pengundian secara umum dan mendapati berlaku penolakan terhadap BN begitu ketara dan menyebabkan BN kalah di Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Kedah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada PRU 2008. Kajiannya mendapati pengundi Melayu telah memberi kemenangan kepada calon PAS dan PKR di kawasan yang ditandingi UMNO dan juga kepada calon yang mewakili PKR atau DAP di kawasan yang ditandingi MCA, Gerakan, MIC atau PPP. Antara faktor yang mempengaruhi pola pengundian ini adalah faktor dalaman parti BN dan faktor luaran berkaitan isu ekonomi dan sosial. Kajian ini dijalankan secara umum kepada negeri-negeri yang tewas ketika PRU 2008.

Terdapat juga limitasi kajian pilihan raya di Perak melibatkan beberapa kajian iaitu Junaidi (2010) telah menjalankan kajian di DUN Trong, Kuala Sepetang dan Changkat Jering di Perak. Hasil kajian mendapati hampir 100 peratus responden etnik Melayu, Cina dan India menjadikan televisyen

sebagai sumber utama maklumat politik mereka. Manakala, 72.1 peratus responden Cina menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat berbanding responden Melayu (67.9 peratus) dan India (47.9 peratus). Manakala, kajian Amir Hasan Dawi (2013) mengenai pola pengundian di Perak dan dapatan kajian menunjukkan responden memilih parti sebagai faktor utama dalam pemilihan calon yang dipilih. Selain itu, isu berkaitan ekonomi merupakan isu utama yang dibincangkan dan responden memilih wakil rakyat yang mementingkan pembangunan ekonomi dan kebajikan rakyat setempat.

Kajian secara umum berkaitan pilihan raya kecil juga dijalankan oleh Junaidi et al. (2013) melibatkan kajian pola pengundian dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) 2009 hingga 2011. Dapatan kajian mendapati trend pengundian dalam setiap PRK menunjukkan sokongan terhadap BN bergantung kepada undi kaum Melayu, manakala undi untuk PR disumbangkan oleh kaum Cina. Hal ini dipengaruhi oleh sumber maklumat yang diperolehi dan kedudukan geografi pengundi. Kajian ini hanya melibatkan PRK di kawasan yang terpilih menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan maklumat tersebut.

Kajian lain melibatkan beberapa kawasan terpilih sahaja dijalankan oleh Asmady dan Suzalie (2014) dalam kajian perkembangan politik dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 di Sabah menunjukkan kejayaan BN lebih banyak dikaitkan dengan keupayaannya untuk terus memujuk dan memberikan hadiah. Walau bagaimanapun, parti pembangkang terutamanya PR telah menunjukkan pertambahan kerusi dan peningkatan jumlah undi yang diperolehi disebabkan isu-isu semasa peringkat nasional dan lokal di kawasan kajian. Seterusnya, Junaidi et al. (2014) membuat analisis tsunami politik bandar di 12 bandar besar ibu negeri (Parlimen) iaitu, Kuching, Kuantan, Georgetown (Tanjung), Ipoh, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu, Kota Bharu, Kuala Lumpur, Alor Setar, Seremban, Shah Alam dan Kota Melaka. Kajian mendapati kecenderungan pengundi kepada PR berlaku disebabkan oleh faktor akses pengundi bandar kepada sumber maklumat politik daripada media alternatif seperti *facebook*, *twitter*, laman web, blog dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

Selain itu, kajian di beberapa kawasan terpilih dijalankan oleh Siti Noranizahhafizah (2015) dalam kajian pola pengundian di Selangor. Kajian ini mendapati pada PRU 2008 kawasan majoriti Melayu berpihak kepada PR, pengundi di bandar berpihak kepada PR berbanding pengundi luar bandar dan terdapat perbezaan sentimen antara pengundi di bandar dan luar bandar. Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan faktor parti, calon, ekonomi, isu semasa dan media berupaya mempengaruhi pengundi. Artikel Mohd Mahadee et al. (2016) membincangkan tentang pola sokongan pengundi Selangor terhadap tokoh kepimpinan di peringkat negeri dan persekutuan menjelang Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14. Kajian menunjukkan pola sokongan semasa masih memihak kepada PR/Pakatan Harapan (PH). Pada PRU ke-13 yang lalu, Pakatan Rakyat (PR) berjaya mengekalkan pentadbiran di Selangor. Hal ini menunjukkan pola sokongan pengundi lebih terarah kepada tokoh kepimpinan di pihak PR. Moniruzzaman et al. (2018) telah mendapati faktor Tun Dr Mahathir, isu rasuah, parti PAS, generasi baharu dan janji popular PH telah mempengaruhi pilihan pengundi dalam PRU ke-14.

Analisis melalui Keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) dijalankan oleh Hutchinson (2018) menulis artikel berkaitan kelakuan, keputusan dan implikasi dalam Pilihan Raya Umum ke-14. Dapatan menunjukkan beberapa isu yang mempengaruhi keputusan pengundi adalah isu ekonomi (nilai rendah mata wang Malaysia, kos taraf hidup yang semakin tinggi, pekerja asing), isu 1MDB, isu *The National Feedlot Corporation* (NFC) dan isu skandal *Federal Land Development Authority* (FELDA). PRU ke-14 menunjukkan PH memperoleh 47.9 peratus, BN 33.8 peratus dan PAS 17 peratus undi popular. Dapatan kajian beliau menunjukkan Keputusan PRU 2018 ini membuktikan parti-parti yang lebih kecil mampu menggulingkan BN setelah hampir enam dekad memerintah negara.

Kajian di Perak juga melibatkan kawasan parlimen dijalankan oleh Junaidi (2018) untuk menilai pengaruh identifikasi parti dan politik pembangunan dalam PRK Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar. Hasil kajian menunjukkan bahawa BN terus mengekalkan kubu kuat kerana faktor identifikasi parti dan mentaliti politik pembangunan yang menebal dalam pemikiran pengundi di kedua-dua kawasan tersebut. Penglibatan kajian kecenderungan pengundi di Perak dilakukan oleh Siti Noranizahhafizah (2019) iaitu mengkaji kecenderungan politik dalam kalangan belia wanita di Perak dan hasil kajian menunjukkan majoriti daripada responden iaitu 416 orang atau 92.4 peratus tidak melibatkan diri sebagai ahli dalam parti politik. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan tahap penglibatan belia wanita dalam politik adalah rendah dan sikap mereka terhadap aktiviti politik adalah pasif disebabkan oleh sikap peribadi.

Kajian pasca PRU ke-14 juga telah melibatkan beberapa kajian antaranya kecenderungan pengundi semasa Pilihan Raya Kecil (PRK) di Sandakan Sabah menunjukkan bahawa politik kepartian mengikut kaum masih menjadi pilihan masyarakat di kawasan tersebut. Hal ini demikian kerana parti yang mendominasi ialah DAP yang diwakili oleh calon daripada kaum Cina. Kecenderungan pengundi di Sandakan ini menjelaskan suatu hakikat bahawa kerusi ini telah didominasi oleh kaum Cina sejak beberapa siri PRU sejak PRU ke-10 (Mohd Azri et al., 2020). Kajian Junaidi, Mokhtar Jaafar dan Mokhtar Ahmad (2021) di Negeri Sembila pasca PRU ke-14 menjelaskan beberapa kawasan yang masih didominasi oleh kaum Melayu majoritinya pengundi masih memberi sokongan kepada BN. Selain itu, pilihan pengundi untuk membuat keputusan adalah dipengaruhi oleh penawaran yang dilakukan oleh parti yang bertanding. Dalam konteks kajian Siti Noranizahhafizah dan Jayum (2022) menjelaskan kemenangan sesebuah parti dalam pilihan raya juga dipengaruhi oleh manifesto yang telah dijanjikan kepada pengundi.

Perbincangan daripada kajian literatur menjelaskan beberapa aspek yang telah diteliti iaitu keputusan PRU telah dibincangkan secara umum dan analisis kajian menggunakan kaedah kualitatif sahaja (Norhayati, 2008; Junaidi et al., 2013). Oleh itu, bagi mengisi sebahagian kelompongan yang ada, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk menilai pilihan daripada pengundi melalui soal selidik yang dijalankan secara bersemuka di Manjoi dan Behrang. Aspek lain yang didapati daripada kajian literatur ialah kecenderungan pengundi di beberapa kawasan terpilih seperti Selangor, Perak dan Sabah (Junaidi, 2010; Asmady dan Suzalie, 2014; Siti Noranizahhafizah, 2015). Walau bagaimanapun, kajian di Perak hanya melibatkan kawasan Dewan Undangan Negeri Trong, Kuala Sepetang, Changkat Jering dan Kuala Kangsar. Justeru, pemilihan Manjoi dan Behrang ini mampu mengisi sebahagian kelompongan kajian pilihan raya di Perak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menerusi kajian tinjauan. Bagi mendapatkan data soal selidik dalam kajian ini, borang soal selidik telah diedarkan secara bersemuka kepada 450 responden berdasarkan kawasan pusat daerah mengundi di Manjoi dan Behrang. Pemilihan responden adalah berdasarkan rawak mudah berstrata mengikut kumpulan umur dan etnik di kedua-dua kawasan tersebut. Borang soal selidik yang telah siap diisi telah diproses dan dianalisis. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan SPSS secara deskriptif melibatkan taburan kekerapan, peratus dan nilai median. Selain itu, data sekunder yang berkaitan telah digunakan untuk melengkapkan perbincangan hasil kajian. Data primer dan sekunder diubahsuai dan dipersembahkan dalam bentuk jadual mudah.

Kawasan Kajian

Bahagian Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 mewakili 24 kerusi parlimen dan 59 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) telah dipertandingkan di Perak. Pada PRU ke-11 (2004) berlaku pertambahan jumlah kerusi di Perak selepas persempadanan semula kawasan pilihan raya kali kelima yang dijalankan pada 2003 melibatkan kawasan Semenanjung dan Sabah. Persempadanan semula menjadikan jumlah kerusi DUN di Perak yang kedua tertinggi selepas Sabah dengan 60 kerusi. (SPR, 2018). Hal ini menjadikan jumlah kerusi di Perak signifikan kepada pembentukan kuasa baharu pemerintahan di peringkat Persekutuan dan negeri dalam PRU ke-14.



Rajah 1 Peta Kedudukan Kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di Perak

Manjoi atau gugusan Manjoi merupakan satu kawasan yang berada di daerah Kinta dan berhampiran dengan Bandaraya Ipoh dengan kepadatan penduduk yang tinggi di Perak (Mohd Hairry et al., 2011). Dewan Undangan Negeri (DUN) Manjoi (N23) dinamakan semula ketika PRU 1999 dan berada di dalam Parlimen Tambun (P063). Terdapat 18 Pusat Daerah Mengundi (PDM) merangkumi Kanthan, Pekan Chemor, Kelabang, Kuala Kuang, Kampong Chepor Dalam, Kampong Ulu Chepor, Meru Raya, Taman Jati, Meru, Kampong Sungai Kati, Kampong Datok Ahmad Said Tambahan 2 Tengah, Kampong Datok Ahmad Said Tambahan 2 Selatan, Kampong Sungai Tapah, Taman Keledang Jaya, Kampong Tengku Hussein, Kampong Seberang Manjoi, Tun Terang dan Chemor Indah. Kawasan ini merupakan kubu kuat BN sejak PRU ke-10 pada tahun 1999 sehingga PRU ke-13 pada tahun 2013 dengan memperolehi jumlah undi yang tinggi. Manjoi merupakan kawasan yang mempunyai jumlah pemilih tertinggi di Perak iaitu 57,817 orang.

Seterusnya, Behrang kini berada dalam daerah Muallim. Slim River dan Tanjong Malim merupakan dua buah bandar yang terdapat dalam daerah ini. Sebelum ini Slim River dan Tanjong Malim merupakan sebahagian daripada kawasan yang di tadbir oleh Pejabat Daerah Batang Padang. Daerah Muallim mempunyai keluasan 93,434.65 hektar yang mempunyai majoriti penduduk adalah kaum Melayu diikuti kaum Cina, India, Semai dan lain-lain. kawasan N059 Behrang mempunyai 20 PDM yang terdiri daripada Perlok, Klah, Ulu Slim, Slim Village, Kampong Sawa, Ladang Clunny, Kampong Balun, Kampong Sungai Sekiah, Behrang Ulu, Behrang Station, Behrang Timor, Kampong Keteyong, Kampong Lambak, Jalan Beirop, Jalan Ketoyong, Kampong Melaka, Kampong Simpang Ampat, Kampong Loke Yew, Pos Bersih dan Pos Tenau. Behrang merupakan kawasan baharu yang mampu ditadbir oleh mana-mana parti yang menang. Buktinya, keputusan pilihan raya menunjukkan Behrang dimenangi oleh BN ketika PRU ke-11 dan PRU ke-13, manakala PRU ke-12 dan PRU ke-14 telah ditawan oleh parti gabungan lain. Tambahan pula, bandar Tanjong Malim dikenali sebagai Bandar Pendidikan kerana terdapatnya pusat pengajian tinggi iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang pada awalnya dikenali sebagai *Sultan Idris Training College (SITC)* yang telah berjaya melahirkan ramai cendekiawan dan golongan profesional. Daerah ini juga berpotensi membangun dengan pesat di kawasan selatan Perak kerana terdapat kegiatan ekonomi sedia ada dan perancangan industri seperti Kilang Proton di Bandar Proton.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Responden

Kajian melibatkan 450 orang responden mengikut saranan Krejcie dan Morgan (1970) daripada populasi pengundi di Perak. Pemilihan responden dilakukan berdasarkan persampelan rawak berstrata melibatkan 70 peratus responden di Manjoi dan 30 peratus orang responden di Behrang. Jadual 1 menunjukkan data keseluruhan responden di Manjoi dan Behrang.

Jadual 1: Responden di Manjoi dan Behrang

DUN	N=450		Jumlah	Peratus (%)
	Manjoi	Behrang		
Perempuan	160	65	225	50
Lelaki	150	75	225	50
Jumlah	310 (70%)	140 (30%)	450	100

Sumber: Data lapangan, 2019

Berdasarkan Jadual 1, responden perempuan di Manjoi adalah 160 orang dan 150 orang lelaki. Responden perempuan mewakili 65 orang dan 75 orang lelaki di Behrang. Keseluruhan responden perempuan dan lelaki yang terlibat mewakili 50 peratus masing-masing di kawasan tersebut.

Pilihan Parti

Penubuhan parti politik merupakan medium hubungan antara kerajaan dengan rakyat. Sejarah PRU di Malaysia menyaksikan BN memainkan peranan penting sebagai parti politik yang telah lama mengekalkan kuasanya dan mempunyai pengaruh yang tersendiri kepada golongan pengundi (Azman et al., 2016). Walau bagaimanapun, seiring dengan perubahan masa berlaku kemunculan parti politik baharu di Malaysia. Kerjasama antara parti lama dan baharu telah menyebabkan pembentukan gabungan parti politik dalam sesebuah pilihan raya. Kemunculan gabungan parti politik baharu sejak PRU ke-12 telah sedikit sebanyak menggugat kekebalan BN di Perak seterusnya gagal mempertahankan kedudukannya ketika PRU ke-14.

Jadual 2: Kecenderungan Memilih Parti di DUN Manjoi & Behrang mengikut Jantina

Pilihan	N=450			
	Manjoi		Behrang	
	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki
Menilai prestasi parti sebelum mengundi.	4.0	4.0	4.0	4.0
Mengundi parti yang saya anggotai/aktif.	3.0	3.0	2.0	2.0
Mengundi kerana parti baharu.	3.0	3.0	3.0	3.0
Parti ada pengalaman pemerintahan yang baik.	3.0	3.0	2.0	2.0
Mengundi parti lain kerana pakej yang menarik.	3.0	4.0	3.0	2.0
Mengundi parti berdasarkan calon yang diwakili.	3.0	3.0	3.0	3.0

(Sumber: Data lapangan, 2019)

Dapatan dalam Jadual 2 menunjukkan kedua-dua jantina di Manjoi dan Behrang menyatakan penting dengan nilai median 4.0 untuk menilai prestasi parti sebelum mengundi. Responden berpendapat sedemikian untuk menilai sesebuah parti melalui kepimpinan dalaman, isu yang berkaitan dan tahap integriti parti yang bertanding sebelum responden membuat pilihan. Hal ini kerana, segala isu berkaitan sesebuah parti pastinya akan tersebar melalui sumber internet. Tambahan pula, kajian Samsudin (2010) menjelaskan kepercayaan kepada sumber internet dan isu semasa yang dibangkitkan sebelum pilihan raya telah menyumbang secara positif kepada keputusan PRU yang memihak kepada gabungan parti lain.

Seterusnya, di Manjoi menunjukkan responden perempuan dan lelaki menyatakan sederhana penting dengan nilai median 3.0 untuk memilih parti yang dianggotai atau aktif. Di Behrang, responden memilih sangat tidak penting dengan nilai median 2.0 bagi pilihan tersebut. Pilihan ini kurang signifikan kepada responden di kedua-dua kawasan kerana menjadi ahli dalam sesuatu parti tidak memberi pengaruh yang besar kepada pilihan responden dalam pilihan raya. Tambahan pula, kemunculan parti baharu seperti Parti Pribumi Bersatu Malaysia dan Parti Amanah Negara di Manjoi dan Behrang dilihat menambahkan lagi persaingan sengit antara parti di kawasan tersebut. Jadi adalah rasional responden di kedua-dua kawasan menyatakan sederhana penting untuk memilih parti yang baharu dengan nilai median 3.0. Pilihan ini rendah nilainya disebabkan juga faktor penubuhan parti baharu yang berlaku hari ini adalah pecahan daripada parti yang sedia ada. Hal ini sebenarnya telah mengikis kepercayaan pengundi untuk mengekalkan pilihan mengundi parti yang sama (Muhammad Asri, 2020).

Seterusnya, responden perempuan dan lelaki di Manjoi memilih sederhana penting iaitu 3.0 bagi parti mempunyai pengalaman yang baik dan responden di DUN Behrang memilih tidak penting iaitu 2.0 untuk pilihan tersebut. Dengan nilai rendah ini menjelaskan tahap rasional yang tinggi dalam kalangan pengundi. Dapatan sama dalam kajian Muhammad Asri et al. (2016) menunjukkan responden di Kuala Lumpur cenderung untuk memilih PH kerana prestasi BN sebagai kerajaan pusat tidak berkesan kepada rakyat setelah kegagalan pentadbiran oleh Dato' Seri Najib. Tambahan pula, 95 peratus responden tidak berpuas hati dengan pelaksanaan GST dan kejatuhan nilai ringgit, kenaikan harga barang, rasuah, jenayah, buruh asing, perpaduan kaum, peluang pekerjaan dan rumah mampu milik. Jelaslah pengundi tidak melihat pengalaman pemerintah sebagai keutamaan untuk menentukan pilihan (Muhammad Ariff dan Sity Daud, 2018).

Seterusnya responden perempuan di DUN Manjoi memilih sederhana penting dengan 3.0 dan responden lelaki memilih penting iaitu 4.0 untuk mengundi parti lain kerana pakej yang menarik. Manakala, responden perempuan menyatakan sederhana penting iaitu 3.0 dan responden lelaki memilih tidak penting iaitu 2.0 di DUN Manjoi untuk pilihan tersebut. Responden di kedua-dua kawasan menyatakan sederhana penting dengan nilai median 3.0 untuk mengundi parti berdasarkan calon yang diwakili. Responden juga cenderung kepada pilihan ini kerana ketepatan calon yang dipilih mampu menyumbang kepada kestabilan pemerintahan dan keharmonian hidup yang selesa (Ahmad Rizal et al., 2016). Kajian Siti Noranizahhafizah (2015) di Selangor juga mendapati faktor calon berupaya mempengaruhi pengundi sama ada di bandar atau luar bandar. Aspek parti merupakan suatu andaian yang terdapat dalam teori pilihan rasional yang menjadi kuasa untuk mempengaruhi keputusan pengundi (Downs, 1957).

Kajian Junaidi dan Rosmadi (2014) telah menjelaskan faktor yang menyebabkan rakyat menyokong BN dalam pilihan raya sebelum PRU ke-12 adalah mengenang jasa pengalaman parti yang telah memerintah selepas kemerdekaan. Manakala, Muhammad Asri et al. (2016) menunjukkan bahawa pengundi di Kuala Lumpur cenderung kepada PH dalam PRU ke-14 kerana prestasi BN sebagai kerajaan pusat tidak berkesan kepada rakyat dalam suatu tempoh pentadbiran BN sebagai pemerintah. Pengundi BN telah dirangsangkan dengan beberapa isu pembangunan kebendaan seperti jalan raya, sistem pengangkutan dan infrastruktur lain (Arif dan Zulkanain, 2020).

Pilihan Ekonomi

Pilihan ekonomi ialah asas penting dalam kajian Downs (1957). Pilihan ini berkaitan dengan teori pilihan rasional yang diasaskan oleh Downs. Berdasarkan kepada andaian pendekatan pilihan rasional pengundi bertindak secara rasional berdasarkan kepada beberapa asas ekonomi yang boleh mendatangkan manfaat. Dengan itu, responden membuat keputusan untuk keluar mengundi dan memilih sesebuah parti adalah kerana faedah ekonomi kepada diri sendiri dan kawasan setempat (Mohd Nizar et al., 2016).

Jadual 3: Pilihan ekonomi

Pilihan	N=450			
	Manjoi		Behrang	
	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki
Faedah ekonomi kepada diri saya dan setempat.	4.0	4.0	4.0	4.0
Faktor program ekonomi yang baik.	4.0	4.0	4.0	4.0
Mengundi parti bukan kerana faktor ekonomi.	3.0	3.0	3.0	3.0
Pembangunan ekonomi di kawasan saya baik ketika BN memerintah.	3.0	3.0	3.0	3.0
Pembangunan ekonomi di kawasan saya/ negeri baik selepas PH memerintah.	3.0	3.0	2.0	2.0
Program ekonomi PH mampu memberi manfaat kepada masyarakat setempat.	3.0	3.0	2.0	2.0

(Sumber: Data lapangan, 2019)

Jadual 3 menunjukkan dapatan responden yang memilih berdasarkan pilihan ekonomi. Di Manjoi, responden perempuan dan lelaki menyatakan penting untuk mengundi bagi mendapatkan faedah ekonomi kepada diri sendiri dan kawasan setempat dengan nilai median 4.0. Begitu juga di Behrang menunjukkan responden memilih penting atau 4.0 untuk memperolehi faedah ekonomi untuk masyarakat setempat. Seterusnya responden perempuan dan lelaki memilih penting atau 4.0 bagi faktor program ekonomi yang baik. Di Behrang, responden perempuan dan lelaki memilih penting atau 4.0 juga untuk pilihan tersebut. Responden yang memilih untuk mengundi parti bukan berdasarkan ekonomi menunjukkan persamaan di Manjoi dan Behrang. Responden di kedua-dua kawasan memilih sederhana penting atau 3.0 bagi pilihan tersebut. Hal ini dapat menjelaskan responden perempuan dan lelaki masih menyokong parti berdasarkan program ekonomi yang ditawarkan.

Selain itu, responden ditanya berkaitan pembangunan ekonomi setempat semasa BN dan PH memerintah. Di Manjoi, responden perempuan dan lelaki memilih sederhana penting iaitu 3.0 berdasarkan pembangunan yang dilakukan. Begitu juga responden di Behrang memilih sederhana penting atau 3.0 berkaitan pilihan tersebut. Sementara itu, selepas PH mengambil alih Manjoi, responden menyatakan sederhana penting atau 3.0 dengan pembangunan ekonomi yang dijalankan. Manakala di Behrang, responden menyatakan tidak penting atau 2.0 dengan pembangunan ekonomi yang dijalankan. Hal ini dipengaruhi oleh jangka masa pemerintahan PH yang baru menjangkau 12 bulan di Manjoi dan Behrang. Akhir sekali, responden ditanya berkaitan kemampuan PH untuk memulakan program ekonomi yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Buktinya, responden di Manjoi menyatakan sederhana penting atau 3.0 dan responden di Behrang memilih tidak penting atau 2.0. Dapatan menunjukkan responden masih belum ada keyakinan yang baik terhadap pentadbiran PH yang baharu. Terdapat banyak faktor yang perlu dilakukan PH untuk memantapkan sokongan pengundi di Manjoi dan Behrang.

Dapatan kajian menjelaskan faktor ekonomi dilihat memainkan peranan penting untuk menarik sokongan pengundi. Meltzer dan Richards (1981) menjelaskan kepentingan penguasaan ekonomi iaitu parti politik yang mampu mempengaruhi program sesebuah kerajaan yang demokrasi adalah suatu parti yang berjaya untuk meningkatkan sokongan masyarakat. Sebuah pemerintahan yang baik memerlukan sokongan padu daripada rakyat dan program ekonomi yang dijalankan mampu meningkatkan sokongan rakyat. Pilihan ekonomi ini juga dibincangkan dalam kajian Downs berkaitan teori pilihan rasional. Teori ini menyatakan pembeli atau pengundi memaksimumkan pilihan untuk faedah yang akan diperolehi. Buktinya, responden memilih nilai median 4.0 atau penting untuk mendapatkan faedah untuk diri sendiri dan setempat serta program ekonomi yang baik. Pengundi cakna tentang faedah yang bakal diperolehi jika memilih sesuatu parti yang menjanjikan manfaat ekonomi dalam manifesto ketika PRU ke-14. Kajian yang dilakukan oleh Muhammad Ariff dan Sity Daud (2018) menjelaskan pengundi tertarik kepada manifesto yang dibawa oleh PH dalam pilihan raya tersebut.

Pilihan Calon

Faktor calon merangkumi pemilihan pengundi berdasarkan pengaruh keluarga, calon sama etnik, calon sama agama, calon daripada komuniti setempat, sama negeri dan jantina.

Jadual 4: Pilihan calon

Pilihan	N=450			
	Manjoi		Behrang	
	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki
Saya mengundi calon yang dipilih oleh keluarga.	3.0	3.0	3.0	3.0
Saya memilih calon yang sama etnik.	3.0	3.0	4.0	4.0
Saya mengundi calon yang sama agama.	4.0	3.0	4.0	4.0
Saya mengundi calon daripada masyarakat setempat.	4.0	3.0	4.0	4.0
Saya memilih calon yang sama negeri.	3.0	3.0	4.0	4.0
Saya mengundi calon mengikut sama jantina	3.0	3.0	3.0	3.0

(Sumber: Data lapangan, 2019)

Jadual 4 menunjukkan pilihan calon mengikut etnik Melayu, Cina, India dan lain-lain. Pilihan bagi mengundi calon daripada yang sama dengan keluarga di Manjoi menunjukkan responden perempuan dan lelaki memilih sederhana penting atau 3.0. Di Behrang pula, responden memilih sederhana penting dengan 3.0 untuk pilihan tersebut. Pilihan calon yang sama etnik menjelaskan responden perempuan dan lelaki di Manjoi memilih sederhana penting atau 3.0 berbanding di Behrang responden memilih penting iaitu 4.0. Seterusnya, pilihan calon yang sama agama di Manjoi menjelaskan responden perempuan memilih penting dengan 4.0 dan responden lelaki memilih sederhana penting iaitu 3.0 di Manjoi. Manakala di Behrang, responden memilih penting dengan 4.0. Pemilihan calon yang sama etnik dan agama ini memainkan peranan penting kepada pengundi. Aspek ini dilihat dipersetujui oleh responden perempuan dan lelaki di kedua-dua kawasan.

Pilihan untuk mengundi dengan calon setempat mencatatkan keputusan yang berbeza antara kedua-dua kawasan. Responden perempuan memilih penting iaitu 4.0 dan responden lelaki memilih sederhana penting dengan 3.0 di Manjoi. Di Behrang, responden memilih penting dengan 4.0. Pengundi perempuan lebih memilih calon daripada wakil setempat berbanding pengundi lelaki. Seterusnya, pilihan untuk calon sama negeri menjelaskan responden di Manjoi memilih sederhana penting iaitu 3.0. Responden di Behrang bersetuju dengan penting iaitu 4.0. Responden yang memilih calon sama jantina mewakili sederhana penting iaitu 3.0 di Manjoi. Manakala di Behrang responden juga bersetuju dengan sederhana penting iaitu 3.0 untuk memilih calon yang sama jantina. Responden bersetuju untuk sederhana sahaja mengambil berat aspek jantina kerana keutamaan rakyat adalah memilih calon yang mampu menjalankan tanggungjawab dengan baik dan berkesan.

Pilihan calon merupakan antara faktor yang dikaji dalam pilihan raya di Malaysia. Calon Asmuni Awi merupakan wakil daripada PAS yang pernah bertanding dalam PRU ke-13 dan kalah kepada BN ketika itu. Beliau masih dicalonkan dalam PRU ke-14 dan berjaya memenangi kawasan Manjoi dengan undi majoriti yang lebih tinggi berbanding PRU ke-13. Keadaan ini berbeza dengan Behrang yang mengemukakan calon baharu iaitu Aminuddin Zulkipli telah menang dengan majoriti rendah berbanding PRU ke-13. Jika dilihat kepada keadaan ini, responden memilih calon yang dirasakan layak untuk mentadbir kawasan mereka berdasarkan parti yang disertai calon. Tambahan pula, kepimpinan baharu dalam parti gabungan telah memberi kelebihan kepada parti alternatif dalam PRU ke-14. Kajian Shahidah et al. (2019) juga mendapati keputusan PRU ke-14 dipengaruhi oleh kepimpinan kerajaan campuran dan usaha Tun Dr. Mahathir mendapatkan sokongan masyarakat pelbagai etnik.

Pilihan Lain

Pilihan ini menjelaskan maklumat yang diperolehi berdasarkan faktor-faktor lain (selain pilihan utama parti, ekonomi dan calon) yang mendorong responden membuat pilihan ketika PRU ke-14. Terdapat pengundi yang secara terbuka menjawab soalan ini dan ada juga pengundi yang tidak bersedia untuk tidak menjawab bahagian ini. Jadual menunjukkan dua pilihan lain yang dinyatakan oleh responden ketika mengundi pada PRU ke-14 yang lalu.

Jadual 5: Faktor lain yang dinyatakan oleh responden

Pilihan	Kekerapan (N=450)	Peratus (%)
Tun Mahathir	42	10.5
Beri peluang	22	5.5
Tidak sedia menjawab	336	84.0
Jumlah	400	100

Sumber: Data lapangan, 2019

Berdasarkan Jadual 5 menjelaskan bahawa hanya dua faktor yang dinyatakan oleh responden. Faktor ini merangkumi aspek kepimpinan dan ketokohan Tun Dr. Mahathir dan pilihan untuk beri peluang kepada parti gabungan baharu yang wujud ketika pilihan raya tersebut. Responden berpendapat bahawa pengundi muda teruja melihat penglibatan Tun Dr Mahathir yang menawarkan diri untuk memimpin negara sekiranya PH menang dalam pilihan raya tersebut. Dengan rekod pemerintahan selama hampir 20 tahun menjadikan beliau sebagai tokoh politik yang mempunyai sejarah pentadbiran tersendiri. Tambahan pula, generasi baharu yang mengundi dalam PRU ke-14 merupakan antara generasi yang membesar bersama-sama sistem pentadbiran dan pendidikan yang diterajui BN (Rusdi Omar & Sivamuragam, 2017; Shahidah et al., 2019).

Tambahan pula, peningkatan generasi umur pertengahan telah mengundi PH kerana faktor beri peluang kepada parti berkenaan. Hal ini terdorong kerana pembangunan ekonomi yang sedikit perlahan di kawasan responden dan faktor dalaman parti BN. Menurut Lee et al. (2018) keputusan PRU ke-14 mencerminkan aspirasi pengundi terutama golongan muda kepada kerajaan baharu dan menolak rasa ketidakpuasan terhadap kelemahan dan ketidakadilan kerajaan yang pernah ditadbir oleh BN sebelum ini. Hal ini juga dipengaruhi oleh kuasa dan kawalan kerajaan dalam pengubalan dan pelaksanaan suatu program ekonomi adalah signifikan dalam mempengaruhi pola pengundian berdasarkan keberkesanan program ekonomi. Perkembangan persepsi masyarakat mampu membentuk kecenderungan untuk mengundi parti yang berkemampuan dalam membangunkan ekonomi dan menghadapi isu-isu berbangkit dalam negara (Muhammad Shamshinor et al., 2014).

Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa pilihan parti, ekonomi dan calon mempengaruhi secara langsung kepada keputusan yang dibuat oleh pengundi ketika PRU ke-14 di Manjoi dan Behrang. Antara pilihan tersebut, pilihan calon merupakan aspek yang penting menjadi pilihan responden dengan nilai median 4.0 di kedua-dua DUN. Responden telah memilih berdasarkan calon yang berasal daripada kawasan setempat, sama etnik dan sama negeri. Aspek yang kedua menjadi pilihan responden adalah parti dan terakhir merupakan pilihan ekonomi. Hal ini menunjukkan responden rasional dalam memilih keputusan bagi meningkatkan kesejahteraan dan Pembangunan tempatan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pengundi membuat keputusan berdasarkan pilihan yang memberikan manfaat kepada diri sendiri dan masyarakat setempat. Faktor calon telah mempengaruhi pilihan pengundi dalam PRU ke-14 menjelaskan pilihan pengundi berdasarkan teori pilihan rasional yang diperkenalkan Downs (1957). Pilihan lain seperti parti dan ekonomi mempengaruhi secara langsung untuk responden membuat keputusan. Walau bagaimanapun, terdapat juga pilihan yang lebih dominan dalam mempengaruhi keputusan mereka adalah pilihan calon dan faktor ketokohan Tun Dr Mahathir sebagai peneraju utama PH ketika PRU ke-14. Situasi keputusan PRU ke-14 menunjukkan sikap keterbukaan

rakyat untuk memberi peluang baharu kepada gabungan yang dibentuk bagi meneruskan proses demokrasi di Malaysia.

Berdasarkan penelitian masih belum ada program ekonomi yang menyeluruh dijalankan di Manjoi dan Behrang selepas PH memerintah. Bukan Sarawak dan Sabah sahaja yang memerlukan program pembangunan ekonomi yang baik, malah rakyat setempat di Semenanjung juga mementingkan aspek pembangunan. Sehubungan dengan itu, wakil rakyat perlu mengambil kira kepentingan rakyat selepas berjaya membentuk pentadbiran di kawasan masing-masing. Berdasarkan analisis, terdapat isu-isu yang dilihat penting oleh responden iaitu kos sara hidup, harga rumah, harga minyak, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan isu pengangguran. Hal ini juga berupaya mempengaruhi pilihan pengundi untuk memilih dalam pilihan raya akan datang.

Batasan kajian ini hanya mengkaji pola pengundian di Dewan Undangan Negeri (DUN) Manjoi dan Behrang pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-12 hingga PRU ke-14. Kajian ini juga hanya dijalankan di Manjoi dan Behrang sebagai kawasan baharu yang menerima perubahan pentadbiran selepas PRU ke-14. Oleh itu, kajian lanjutan daripada kajian ini dicadangkan adalah berkaitan kecenderungan pengundi terutama pengundi muda dalam menentukan pilihan di kawasan ini. Hal ini kerana selepas UNDI 18 dilaksanakan belum ada kajian terperinci mengenai golongan itu terutama di Perak.

RUJUKAN

- Ahmad Rizal, M. Y., Mansor, M. N., Arvin Tajari, Muhammad Asri Mohd Ali, Mohd Mahadee Ismail, Muhammad Shamshinor Abd Azzis, & Najiha Zainuddin. (2016). Pola pengundian generasi Y menjelang PRU ke-14 di Kuala Lumpur. *Research Journal of Social Science*, 9(3), 78-85.
- Amir Hassan Dawi. (2013). Pola pengundian di Perak dalam PRU ke-13. In Shamsul Amri Baharuddin & Mansor Mohd Noor (Eds.), *PRU ke-13: Siapa Pilihan Pengundi?* (pp. 103-121). Bangi: Institut Kajian Etnik UKM.
- Asmady Idris & Suzalie Mohamad. (2014). Kelangsungan dominasi barisan nasional di Sabah dalam pilihan raya umum ke-13. *Kajian Malaysia*, 32(2), 171–206. <http://web.usm.my/km/>
- Azman Mahadi, Mohd Fuad Mat Jali, & Junaidi Awang Besar. (2016). Tingkah laku pengundi dan faktor kejayaan Barisan Nasional: kajian kes FELDA Kuala Krau Malaysia. *Journal of Society and Space*, 12(9), 126-137. <http://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/17738>
- Chamil Wariya (2010). *Malaysia: asas pembinaan negara bangsa institusi pemerintahan lambang kebangsaan*. Petaling Jaya.
- Downs, A. (1957). An economic theory of political action in a democracy. *Journal of Political Economy*, 65, 135-150.
- Hutchinson, F. E. (2018). Malaysia 14th general elections: Drivers and agents of change. *Journal of Asian Affairs*, 49(4), 583-605. doi:10.1080/03068374.2018.1521126.
- Junaidi Awang Besar (2019). Perubahan politik dalam Pillihan Raya Umum (PRU) ke-14 (2018) di Malaysia. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 15 (4), 220-232. <https://doi.org/10.17576/geo-2019-1504-16>
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali, & Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2014b). Pilihan raya umum (PRU) 2013 di Malaysia: suatu analisis 'tsunami politik bandar'. *Malaysian Journal of Science and Space*, 10, 28-38. <http://www.ukm.my/geografia>
- Junaidi Awang Besar. (2010). Analisis trend pengundian berdasarkan kaum di kawasan Bukit Gantang, Perak. *e-Bangi Journal*, 7(1), 26-37. <http://ejournal.ukm.my/ebangi/index>
- Junaidi Awang Besar. (2018). Pengaruh identifikasi parti dan politik pembangunan dalam PRK Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar 2016. *Journal of Administrative Science*, 15(3). <https://jas.uitm.edu.my>
- Laporan Keseluruhan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-18 (2018). Portal Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia: Putrajaya.

- Lee Kuok Tiung, Rizal Zamani Idris, & Rafiq Idris. (2018). Propaganda dan disinformasi: politik persepsi dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU ke-14) *Malaysia. Journal management system*. <http://jurcon.ums.edu.my/cjums/>
- Lokasi negeri Perak. (2019). Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak. <https://www.perak.gov.my/index.php>
- Meltzer, A. H., & Richard, S. F. (1981). A rational theory of the size of government. *Journal of Political Economy*, 89, 914-927.
- Mohd Mahadee Ismail, Mansor Mohd Noor, Muhammad Asri Mohd Ali, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Muhammad Shamsinor Abdul Azzis, Arvin Tajari & Azlina Abdullah (2016). Kepimpinan politik: Pola sokongan pengundi Selangor menjelang PRU14. *Research journal of social sciences* 9 (3), 8-19. https://www.researchgate.net/publication/363859465_Kepimpinan_Politik_Pola_Sokongan_Pengundi_Selangor_Menjelang_PRU14
- Mohd Nizar Sudin, Mohd Fuad Mat Jali, & Junaidi Awang Besar. (2016). Tingkah laku pengundi Melayu terhadap UMNO di negeri Kedah: Satu tinjauan awal. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (14), 79-85. <http://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/16266>
- Moniruzzaman, M., & Kazi Fahmida Farzana. (2018). Malaysia 14th General Election: end of an epoch and beginning of a new? *Intellectual Discourse*, 26(1), 207-228. <https://journals.iium.edu.my/intdiscourse/index.php/islam>
- Muhammad Ariff, & Sity Daud. (2018). Manifesto Barisan Nasional dan kejatuhan Najibnomics dalam Pilihan Raya Umum Ke-14. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 343-366. <http://ejournals.ukm.my/jebat/article/view/29221>
- Muhammad Asri Mohd Ali, Mohd Mahadee Ismail, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Muhammad Shamshinor Abd Azzis, Arvin Tajari & Najih Zainudin. (2016). Integrasi parti dan pola pengundian: kajian di Kuala Lumpur pra PRU ke-14. *Research Journal of Social Science*, 9 (3), 66-77
- Muhammad Shamshinor Abdul Azzis, Mohd Azri Ibrahim, Sity Daud, & Farid Wajdi Mohd Nor. (2014). Program kerajaan dan pola pengundian PRU ke-13 di Selangor. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10, 99-114. <http://www.ukm.my/geografia/v2/index.php>
- Norhayati Mohd Salleh. (2008). Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12): Tsunami politik Melayu. *JEBAT Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 35, 49-64. Diperoleh daripada <https://scholar.google.com.my/scholar>
- Samsudin A. Rahim. (2010). Media, Demokrasi dan Generasi Muda; Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum ke-12. *Review Malaysian Journal of Communication*, 26(2), 1-15. journalarticle.ukm.my.
- Senarai daerah di Negeri Perak (2019). Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak. Tarikh akses 26 Ogos 2019.
- Shahidah Abdul Razak, Ariff Aizuddin Azlan, & Ahmad Firdaus Abdul Jalil. (2019). Pilihan Raya Umum Ke-14 di Malaysia: Berakhirnya Era Rejim Autoritarian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(2), 90-101. <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh>
- Siti Noranizahhafizah Boyman, Nafisah Ilham Hussin, Marshelayanti Mohd Razali, & Junaidi Awang Besar. (2015). Pola pengundian dan isu-isu pada Pilihan Raya Umum Malaysia 2013. *Jurnal Perspektif*, 7(3), 96-100. <https://www.academia.edu/>
- Siti Noranizahhafizah Boyman. (2015). *Pola pengundian orang Melayu dalam Pilihan Raya Umum 2008 di Selangor* (Doctoral thesis). Kajang: Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Siti Noranizahhafizah Boyman. (2019). Kecenderungan politik dalam kalangan belia wanita di Perak. *E-Bangi Soaial dan Kemanusiaan*, 16 (7), 1-15. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1208>